

Jangan bimbang hala tuju baru perjuangan UMNO

UM - 19/11/2006

KUALA LUMPUR 18 Nov. - Naib Presiden UMNO Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini berkata, rakyat tidak perlu bimbang atau cemas akan ada hala tuju baru dalam perjuangan UMNO berasaskan ucapan yang ekstrem daripada perwakilan semasa perhimpunan agung parti itu.

Muhyiddin yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, berkata, ini kerana perhimpunan agung parti merupakan platform terbaik bagi mendengar apa sahaja pandangan dan kritikan yang me-

nyentuh soal pentadbiran negara.

"UMNO ialah sebuah parti yang mengamalkan sistem demokrasi yang tidak menghalang atau sekat sesiapa pun untuk bercakap, yang penting pada akhirnya semua ahli bersepakat untuk mendukung prinsip perjuangan yang digariskan oleh Presiden parti (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan pameran "Aquafair Malaysia 2006" di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini.

Pameran itu berlangsung selama empat hari mulai Khamis lepas.

Perhimpunan Agung UMNO yang berakhir semalam dianggap sebagai perhimpunan yang signifikan, kerana di samping menggariskan beberapa gagasan penting untuk peningkatan kemajuan orang Melayu, ia masih lagi berpegang kepada prinsip perkongsian kuasa.

Katanya, UMNO yang

menjadi teras kepada pentadbiran negara, akan sentiasa berlaku adil dan mengambil kira kepentingan semua kaum.

"Semua pihak menikmati kemajuan, bukan satu kaum sahaja, semua konsep menang-menang ini adalah jaminan yang telah diberikan sejak dulu," katanya.

Selain itu katanya, tiada perkara yang luar biasa berlaku sepanjang perhimpunan itu berlangsung dan penggugungan presiden turut memberikan jaminan keadilan dalam hal mentadbirkan negara serta mengambil kira kepentingan semua kaum.

"Rumah tangga UMNO dah jadi rumah tangga semua orang, semua orang hendak dengar yang biasa tidak buat begitu dalam perhimpunan yang lain.

"Jadi UMNO bersikap terbuka dan akhirnya segala apa yang dicakap, yang dipegang, ialah resolusi yang dibentangkan, yang menekankan banyak kepentingan untuk orang Melayu tetapi tidak lupa kepentingan bangsa-bangsa lain," katanya.

- Bernama